



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI DALAM TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 103

AKTA DUTI HIBURAN 1953

Sebagaimana pada 30 Disember 2023

Teks ini HANYALAH TEKS KEMAS KINI bagi Akta Duti Hiburan 1953 oleh Jabatan Peguam Negara. Melainkan jika dan sehingga dicetak semula menurut kuasa Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang di bawah subseksyen 14(1) Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [Akta 1], teks ini BUKAN TEKS YANG SAH.

Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara bagi Entertainments Duty Act 1953. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sah di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.

AKTA DUTI HIBURAN 1953

Pertama kali diperbuat 1953 (Ordinan No. 25
tahun 1953)

Disemak 1973 (Akta 103 m.b.p.
1 April 1973)

Kali terakhir dipinda melalui
Akta 851 yang mula
berkuat kuasa pada 30 Disember 2023

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

<i>Cetakan Semula Yang Pertama</i>	1994
<i>Cetakan Semula Yang Kedua</i>	2000
<i>Cetakan Semula Yang Ketiga</i>	2006

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 103

AKTA DUTI HIBURAN 1953

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran
3. Pemungut Duti Hiburan
4. Duti
5. Pemungut
6. Pembayaran duti, bagaimana dibuat
7. Duti boleh dicajkan berkeñaan dengan setiap orang
8. Mendapatkan duti
9. Duti atas yuran dan tiket langganan
10. Pengecualian daripada duti untuk khairat, dsb.
11. Pembayaran balik
12. Pengecualian
13. Kuasa memasuki dan menyiasat
14. Penggeledahan
15. Kuasa menangkap
16. Kuasa menyita
17. Bidang kuasa Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret
18. Pemungut boleh mengkompaun kesalahan
19. Perlindungan bagi pemberi maklumat daripada terzahir
20. Penalti
21. Tindakan pegawai tidak menjadi kesalahan

Seksyen

22. Liabiliti tuan punya atas perbuatan pekhidmat
23. Peraturan-peraturan

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 103

AKTA DUTI HIBURAN 1953

Suatu Akta untuk mengenakan duti berkenaan dengan kemasukan ke tempat hiburan.

*[Semenanjung Malaysia—1 Oktober 1953, P.U. 514/1953;
Sabah dan Sarawak—1 April 1973, P.U. (A) 42/1973]*

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Duti Hiburan 1953.

Tafsiran

2. (1) Dalam Akta ini—

“bayaran bagi kemasukan” termasuklah apa-apa bayaran yang dibuat oleh seseorang yang setelah dibenarkan masuk ke satu bahagian sesuatu tempat hiburan kemudiannya dibenarkan masuk ke bahagian lain tempat hiburan itu bagi kemasukan yang ke dalamnya suatu bayaran atau suatu bayaran tambahan yang melibatkan duti dikehendaki, dan termasuklah apa-apa bayaran yang memberi seseorang suatu hak untuk dibenarkan masuk sama ada hak itu digunakan atau tidak digunakan;

“hiburan” termasuklah apa-apa pameran, persembahan, keseronokan permainan atau sukan, atau apa-apa aktiviti yang boleh diisytiharkan sebagai hiburan oleh Menteri Kewangan di bawah subseksyen (2), yang baginya orang dibenarkan masuk dengan bayaran;

“kemasukan” ertinya kemasukan sebagai—

- (a) seorang penonton;
- (b) salah seorang daripada hadirin; atau
- (c) seorang pengguna kemudahan hiburan;

“kemasukan ke suatu hiburan” termasuklah kemasukan ke mana-mana tempat yang hiburan diadakan atau mana-mana tempat lain yang daripadanya seseorang boleh menjadi seorang penonton atau salah seorang daripada hadirin mana-mana hiburan, dan juga termasuklah diberikan hak untuk menggunakan kemudahan hiburan;

“kutipan hiburan” termasuklah bukan sahaja segala wang yang dikutip bagi kemasukan tetapi juga segala kutipan daripada mana-mana sumber jua pun yang berkaitan dengan hiburan itu;

“perbelanjaan hiburan” termasuklah segala jenis perbelanjaan yang dilakukan yang berkaitan dengan hiburan atau pertunjukan sampingannya;

“Pemungut” termasuklah seorang timbalan kepada Pemungut;

“tuan punya” berhubung dengan apa-apa hiburan termasuklah mana-mana orang yang bertanggungjawab bagi pengurusan hiburan itu, dan berhubung dengan mana-mana tempat yang daripadanya, pada pendapat Pemungut, seseorang boleh menjadi penonton atau salah seorang daripada hadirin sesuatu hiburan yang sedang berjalan di sesuatu tempat lain, termasuk pemunya, penyewa atau orang yang memiliki atau mengawal tempat itu, atau mana-mana orang lain yang menerima bayaran bagi kemasukan ke tempat itu.

(2) Menteri Kewangan boleh, dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengisytiharkan apa-apa aktiviti yang mana seseorang itu dibenarkan masuk dengan bayaran menjadi suatu hiburan.

Pemungut Duti Hiburan

3. (1) Menteri Kewangan hendaklah menjadi Pemungut Duti Hiburan (dalam Akta ini disebut Pemungut) dan hendaklah bertanggungjawab untuk memungut duti yang ditetapkan oleh seksyen 4 dan secara amnya untuk melaksanakan peruntukan Akta ini.

(2) Menteri Kewangan boleh melantik seorang timbalan atau timbalan-timbalan kepada Pemungut sama ada secara am bagi maksud Akta ini atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya atau bagi maksud peruntukan tertentu Akta atau bagi maksud peraturan-peraturan tertentu yang dibuat di bawah Akta ini.

Duti

4. (1) Tertakluk kepada seksyen ini hendaklah dicajkan, dilevi dan dibayar kepada Pemungut atas tiap-tiap bayaran bagi kemasukan ke mana-mana hiburan suatu duti (dalam Akta ini disebut duti hiburan) pada apa-apa kadar sebagaimana yang dikenakan oleh ketetapan Dewan Rakyat dari semasa ke semasa.

(2) Duti hiburan pada kadar setengah daripada kadar yang ditetapkan mengikut subseksyen (1) hendaklah dicajkan, dilevi dan dibayar kepada Pemungut atas tiap-tiap bayaran bagi kemasukan ke mana-mana hiburan yang dalamnya semua pelaku yang kata-kata atau perbuatannya menjadi hiburan itu benar-benar hadir dan membuat persembahan dan hiburan itu mengandungi hanya satu daripada acara yang berikut atau lebih iaitu suatu pementasan drama, suatu tarian balet (sama ada pementasan drama atau tidak), suatu persembahan muzik (sama ada vokal atau instrumental), suatu syarahan, suatu pengucapan, suatu pusparagam atau hiburan aneka ragam lain, suatu sarkas, suatu pertunjukan mengembara atau suatu pertunjukan binatang liar atau apa-apa permainan sukan selain perlumbaan atau pertandingan kelajuan binatang, kenderaan, vesel bermotor atau pesawat udara.

(3) (a) Tiada duti hiburan boleh dicajkan, dilevi atau dibayar atas apa-apa bayaran bagi kemasukan ke mana-mana hiburan yang terdiri daripada satu daripada acara yang berikut atau lebih:

- (i) suatu pementasan drama;
- (ii) suatu tarian balet atau tarian bercorak tradisional (sama ada pementasan drama atau tidak);
- (iii) suatu persembahan muzik (sama ada vokal atau instrumental);
- (iv) suatu syarahan; atau
- (v) suatu penguapan,

jika Pemungut berpuas hati bahawa hiburan itu diadakan oleh sesuatu pertubuhan, institusi atau jawatankuasa yang tidak dikendalikan atau ditubuhkan bagi keuntungan atau bahawa hiburan itu ialah suatu hiburan amatur.

(b) Bagi maksud seksyen ini sesuatu hiburan tidak boleh disifatkan sebagai suatu hiburan amatur jika apa-apa bayaran dibuat atau apa-apa hadiah diberikan bagi kehadiran mana-mana pelaku yang kata-kata atau perbuatannya menjadi hiburan itu atau mana-mana bahagiannya, atau bagi perkhidmatan mana-mana orang yang berkaitan dengan hiburan itu sebagai pengajar, penerbit, pengurus atau konduktor atau atas sifat sesorang penasihat.

(4) Pemungut boleh, menurut budi bicaranya, menerima berkenan dengan apa-apa hiburan bayaran sekaligus dengan cara komposisi bagi dan sebagai ganti duti hiburan dalam mana-mana hal jika difikirkannya suai manfaat untuk berbuat demikian oleh sebab kecilnya jumlah wang yang mungkin kena dibayar, atau oleh sebab kesukaran menghitung jumlah wang itu.

Pemungut

5. (1) Jika Pemungut berpendapat—
- (a) bahawa apa-apa bayaran selain atau sebagai tambahan kepada apa-apa bayaran untuk masuk (yang duti kena dibayar atasnya di bawah Akta ini) telah dikehendaki atau diterima oleh tuan punya mana-mana hiburan daripada mana-mana orang;
 - (b) bahawa amaun mana-mana bayaran itu adalah lebih daripada yang biasanya kena dibayar bagi apa-apa benda, keistimewaan, hak atau maksud selain penikmatan hiburan yang didapati sebagai balasan bagi bayaran itu; dan
 - (c) bahawa apa-apa bayaran itu telah pada hakikatnya, keseluruhannya atau sebahagiannya, suatu bayaran atau hadiah untuk hak atau peluang bagi mana-mana orang menikmati hiburan itu,

dia boleh memberikan notis secara bertulis kepada tuan punya hiburan itu tentang dapatannya dan dengan itu apa-apa bayaran atau apa-apa bahagian daripada bayaran itu sebagaimana yang disebut dalam notis itu hendaklah disifatkan bagi maksud Akta ini sebagai bayaran bagi kemasukan ke hiburan itu dan duti hiburan hendaklah dicajkan, dilevi dan dibayar atasnya sama ada mengikut subseksyen 4(4) atau selainnya sebagaimana yang dikehendaki oleh Pemungut melalui notis itu.

(2) Mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa dapatan Pemungut di bawah subseksyen (1) boleh, dalam tempoh dua puluh lapan hari dari tarikh notis bertulis mengenai dapatan itu diberi kepadanya oleh Pemungut, merayu atas apa-apa soal undang-undang atau fakta kepada Mahkamah Sesyen atau di Sabah dan Sarawak kepada Mahkamah Majistret Kelas Pertama.

(3) Hendaklah ada hak untuk merayu selanjutnya terhadap sesuatu Mahkamah Sesyen di bawah seksyen ini sebagaimana yang wujud dalam hal keputusan yang dibuat oleh Mahkamah itu pada menjalankan bidang kuasa asal sivilnya.

(4) Tiada ada apa-apa hak rayuan selanjutnya terhadap sesuatu keputusan Mahkamah Tinggi atas rayuan di bawah seksyen ini.

(5) Bagi maksud seksyen ini, hendaklah dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya oleh tuan punya hiburan itu bahawa jika apa-apa bayaran telah dikehendaki atau diterima oleh tuan punya itu daripada mana-mana orang dan bayaran itu adalah lebih daripada yang biasanya dibayar bagi apa-apa benda, keistimewaan, hak atau maksud selain penikmatan hiburan yang didapati bagi bayaran itu, bayaran itu atau apa-apa bahagiannya sebanyak yang lebih itu ialah suatu bayaran atau hadiah bagi hak atau peluang untuk seseorang menikmati hiburan itu.

(6) Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah boleh membuat kaedah-kaedah yang mengawal selia dan menetapkan tatacara dalam prosiding dengan cara rayuan di bawah subseksyen (2) termasuklah cara bagaimana keterangan hendak diambil atas rayuan itu dan bagi memperuntukkan kos bagi prosiding itu.

Pembayaran duti, bagaimana dibuat

6. (1) Duti hiburan hendaklah dilevi, dibayar dan dipungut dengan apa-apa cara, sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, sama ada dengan cara diletakkan suatu setem di atas atau dilekatkan pada apa-apa tiket masuk yang menandakan bahawa duti hiburan yang sepatutnya telah dibayar atau selainnya.

(2) Melainkan jika diperuntukkan selainnya, jika mana-mana orang dibenarkan masuk dengan bayaran ke suatu hiburan dan peruntukan Akta ini tidak dipatuhi, maka tuan punya hiburan yang baginya orang itu dibenarkan masuk melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

Duti boleh dicajkan berkeñaan dengan setiap orang

7. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 9, duti hiburan boleh dicajkan berkeñaan dengan setiap orang yang dibenarkan masuk dengan bayaran dan, dalam hal kemasukan dengan tiket berseñem, hendaklah dibayar dengan cara setem di atas tiket itu;

dalam hal kemasukan selain dengan cara tiket bersetem, duti hiburan hendaklah dikira dan dibayar mengikut bilangan kemasukan, melainkan jika diarahkan selainnya oleh Pemungut pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(4).

Mendapatkan duti

8. Duti hiburan, dalam hal kemasukan selain dengan cara tiket bersetem, boleh didapatkan daripada tuan punya sebagai suatu hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan dengan apa-apa jalan dan cara yang sedang berkuat kuasa bagi mendapatkan hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

Duti atas yuran dan tiket langganan

9. (1) Jika bayaran bagi kemasukan ke sesuatu hiburan dibuat dengan cara bayaran sekaligus yang dibayar—

- (a) sebagai suatu yuran atau caruman kepada mana-mana kelab, persatuan atau pertubuhan;
- (b) untuk suatu tiket langganan; atau
- (c) untuk hak kemasukan ke suatu siri hiburan atau mana-mana hiburan dalam sesuatu tempoh tertentu,

duti hiburan hendaklah dibayar atas apa-apa bahagian bayaran sekaligus itu yang, bersama dengan duti hiburan yang sesuai dengan bahagian itu, berjumlah pada agregatnya sebanyak bayaran sekaligus itu.

(2) Jika Pemungut berpendapat bahawa pembayaran sesuatu bayaran sekaligus atau apa-apa bayaran untuk suatu tiket termasuk keistimewaan, hak atau maksud yang lain selain kemasukan ke suatu tempat hiburan atau meliputi kemasukan ke suatu hiburan dalam apa-apa tempoh yang baginya duti tidak dikenakan, duti hendaklah dikenakan atas apa-apa amaun yang didapati oleh Pemungut merupakan hak untuk kemasukan ke hiburan yang berkenaan dengannya duti hiburan kena bayar.

(3) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Pemungut di bawah subseksyen (2) hendaklah mempunyai hak untuk merayu yang sama sebagaimana yang dipunyai oleh seseorang yang terkilan di bawah subseksyen 5(2) dan subseksyen 5(3), (4) dan (6) hendaklah terpakai bagi apa-apa rayuan di bawah subseksyen ini.

Pengecualian daripada duti untuk khairat, dsb.

10. (1) Duti hiburan tidak boleh dicajkan bagi kemasukan ke mana-mana hiburan jika—

- (a) keseluruhan kutipan daripada sesuatu hiburan itu hendak dibaktikan bagi maksud derma atau khairat sama ada di Malaysia atau di tempat lain tanpa dikenakan apa-apa caj atas kutipan itu atau atas apa-apa wang yang dipunyai atau dikawal oleh atau bagi pihak apa-apa organisasi atau badan khairat atau derma bagi apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berkaitan dengan hiburan itu;
- (b) Pengarah Pendidikan memperakui secara bertulis bahawa hiburan itu akan diadakan bagi maksud pendidikan dan bahawa hadirin akan dihadkan kepada orang yang menerima pendidikan sepenuh masa di sesuatu establismen pendidikan yang diiktiraf dan kepada kakitangan pengajar establismen itu; atau
- (c) hiburan itu diadakan oleh sesuatu pertubuhan yang tidak ditubuhkan atau dianjurkan bagi keuntungan, dan mengandungi semata-mata suatu pameran—
 - (i) keluaran sesuatu industri, atau bahan, jentera, peranti, atau barang makanan yang digunakan untuk mengeluarkan keluaran itu, atau pertunjukan kemahiran oleh pekerja dalam industri itu dalam kerja yang berkaitan dengan industri itu;
 - (ii) karya seni grafik, seni pahat, dan seni pertukangan tangan, atau satu daripada kelas

karya itu atau lebih, yang dibuat dan dipamerkan oleh orang yang mengamalkan seni grafik, seni pahat, atau seni pertukangan tangan bagi keuntungan dan sebagai pekerjaan utama mereka, atau pertunjukan kemahiran oleh orang itu dalam kesenian atau pertukangan tangan itu; atau

- (iii) barang atau pertunjukan kemahiran yang ada kepentingan material berkaitan dengan soal yang berhubungan dengan kesihatan awam,

atau mengandungi semata-mata pameran atau pertunjukan kemahiran itu bersama-sama dengan suatu persembahan muzik oleh suatu pancaragam atau suatu pameran kerja atau pertunjukan kemahiran oleh kanak-kanak di bawah umur enam belas tahun atau oleh orang muda yang menuntut di sesuatu sekolah atau institusi Pendidikan yang lain:

Dengan syarat bahawa—

- (a) notis tuntutan bagi pengecualian daripada duti hiburan sebagaimana di atas hendaklah diberi kepada Pemungut tidak kurang daripada empat belas hari sebelum hiburan itu bermula; dan
- (b) Pemungut selepas mengambil apa-apa pernyataan dan membuat apa-apa siasatan sebagaimana yang difikirkannya patut hendaklah memberikan tuan punya itu suatu perakuan pengecualian daripada bayaran duti hiburan.

(2) Pemungut boleh pada memberikan perakuannya di bawah subseksyen (1) mengenakan apa-apa syarat bertulis sebagaimana yang difikirkannya patut dalam perakuan itu dan apa-apa pelanggaran syarat itu hendaklah disifatkan menidaksahkan perakuan itu seolah-olah perakuan itu tidak pernah diberikan.

(3) Bagi maksud perenggan (1)(c)—

“industri” termasuklah suatu cawangan sesuatu industri dan termasuklah pertanian;

“pertanian” termasuklah hortikultur dan pembiakan ternakan;

"pertubuhan" termasuklah sesuatu syarikat, institusi atau persatuan orang yang lain tidak kira dengan nama apa jua ia disebut;

"ternakan" termasuklah binatang daripada apa-apa perihalan.

Pembayaran balik

11. Apabila Pemungut berpuas hati bahawa keseluruhan hasil kutipan bersih daripada sesuatu hiburan telah dibaktikan bagi maksud pendidikan, khairat atau derma, dan bahawa keseluruhan perbelanjaan bagi hiburan itu tidak melebihi tiga puluh peratus daripada jumlah kutipan hiburan itu, dia hendaklah membayar balik kepada tuan punya amaun duti hiburan yang telah dibayar berkenaan dengan hiburan itu.

Pengecualian

12. *(1) Menteri Kewangan boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* mengecualikan, tertakluk pada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut dikenakan,—

(a) apa-apa kelas hiburan; dan

(b) berkenaan dengan Wilayah-Wilayah Persekutuan, apa-apa hiburan,

daripada bayaran duti hiburan.

*CATATAN—Segala perintah pengecualian yang berupa sebagai telah dibuat di bawah subseksyen 2(1) dalam tempoh antara 3 Mei 1982 hingga tarikh mula berkuat kuasa Akta Duti Hiburan (Pindaan) 1991 [Akta A800] adalah dengan ini disahkan dan disifatkan telah dibuat menurut undang-undang, dan segala hiburan yang dikecualikan daripada bayaran duti hiburan di bawah perintah itu adalah dengan ini disifatkan telah dikecualikan dengan sah menurut subseksyen 12(1) Akta ini sebagaimana dipinda oleh subseksyen 2(1) Akta A800 seolah-olah subseksyen 2(1) Akta A800 tersebut telah berkuat kuasa semasa perintah itu dibuat dan hiburan itu dikecualikan.

(2) Pihak Berkuasa Negeri boleh melalui perintah mengecualikan, tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut, apa-apa hiburan daripada keseluruhan bayaran atau apa-apa bahagian bayaran duti hiburan.

(3) Pemungut boleh mengecualikan, tertakluk pada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut, apa-apa hiburan yang berkenaan dengannya jumlah amaun duti hiburan yang kena dibayar, pada pendapatnya, tidak akan melebihi dua ribu ringgit, daripada bayaran duti hiburan tersebut.

Kuasa memasuki dan menyiasat

13. (1) Pemungut atau mana-mana pegawai polis berpakaian seragam yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau mana-mana pegawai kanan kastam dalam pengertian Akta Kastam 1967 [*Akta 235*], atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pemungut secara bertulis bagi maksud itu boleh tanpa waran memasuki mana-mana tempat hiburan semasa hiburan itu sedang berjalan dan mana-mana tempat yang biasanya digunakan sebagai suatu tempat hiburan pada bila-bila masa yang munasabah, dengan tujuan untuk menentukan sama ada peruntukan Akta ini dipatuhi dan boleh membuat apa-apa penyiasatan dan pemeriksaan mengenai tempat tersebut dan meminta mana-mana orang supaya mengemukakan apa-apa buku, akaun, tiket atau dokumen atau benda lain dan supaya memberikan apa-apa maklumat sebagaimana yang difikirkan perlu oleh pegawai itu bagi maksud tersebut:

Dengan syarat bahawa mana-mana orang yang tidak berpakaian seragam dan yang berupa sebagai menjalankan apa-apa kuasa di bawah seksyen ini, hendaklah apabila diminta mengemukakan kuasa bertulisnya untuk menjalankan kuasa itu kepada mana-mana orang yang memintanya dengan sah.

(2) Mana-mana orang yang menghalang Pemungut atau mana-mana pegawai atau orang yang diberi kuasa yang menjalankan dengan sah apa-apa kuasa yang diberikan kepadanya oleh atau di bawah subseksyen (1) bagi memasuki atau memeriksa mana-mana tempat atau berlengah-lengah untuk mengemukakan apa-apa buku, akaun atau dokumen atau benda lain yang dia telah diminta oleh Pemungut atau

pegawai atau orang yang diberi kuasa tersebut supaya mengemukakan dan yang atau sepatutnya dalam perjalanan biasa urusan dalam kuasanya untuk mengemukakan atau yang enggan untuk memberikan apa-apa maklumat yang dia mungkin dikehendaki memberikan oleh apa-apa peraturan atau yang mungkin dengan semunasabahnya dikehendaki oleh Pemungut atau pegawai atau orang yang diberi kuasa tersebut atau yang dikehendaki memberikan maklumat oleh Pemungut atau pegawai atau orang yang diberi kuasa tersebut, memberikan maklumat yang palsu atau mengelirukan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

Pengeledahan

14. Pemungut atau mana-mana pegawai atau orang yang diberi kuasa untuk menjalankan kuasa untuk masuk atau menyiasat di bawah seksyen 13 boleh memasuki sesuatu tempat hiburan jika difikirkannya perlu dan dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan terhadap Akta ini telah dilakukan dan boleh menggeledah tempat itu dan memeriksa mana-mana orang yang semunasabahnya dipercayai terlibat dalam pengurusan atau sebagai seorang pekhidmat atau ejen tuan punya tempat itu, dengan syarat bahawa tiada seorang pun perempuan boleh diperiksa kecuali oleh seorang perempuan.

Kuasa menangkap

15. (1) Pemungut atau mana-mana pegawai atau orang yang diberi kuasa untuk menjalankan kuasa untuk masuk atau menyiasat di bawah seksyen 13 boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang disyaki dengan munasabah melakukan atau cuba melakukan atau mengguna khidmat, membantu atau menolong mana-mana orang untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dan yang enggan memberikan nama dan alamatnya atau yang memberikan nama atau alamat yang disyaki dengan munasabah adalah palsu atau yang memberikan suatu alamat di luar Malaysia atau yang disyaki dengan munasabah mungkin melarikan diri:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam subseksyen ini boleh disifatkan menyentuh kuasa seseorang pegawai polis di bawah Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].

(2) Tiap-tiap orang yang ditangkap sedemikian hendaklah dibawa ke balai polis dan hendaklah kemudian daripada itu diuruskan seolah-olah dia telah ditangkap di bawah seksyen 24 Kanun Tatacara Jenayah.

Kuasa menyita

16. Pemungut atau mana-mana pegawai atau orang yang diberi kuasa untuk menjalankan kuasa untuk masuk atau menyiasat di bawah seksyen 13 boleh menyita apa-apa dokumen atau benda lain yang berkenaan dengannya dia percaya dengan munasabah suatu kesalahan telah dilakukan di bawah Akta ini atau yang dia percaya dengan munasabah menjadi atau mengandungi keterangan yang berhubungan dengan kesalahan itu:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh disifatkan menyentuh kuasa seseorang pegawai polis di bawah Kanun Tatacara Jenayah.

Bidang kuasa Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret

17. Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret Kelas Pertama hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dan boleh mengenakan hukuman penuh yang ditetapkan oleh Akta ini.

Pemungut boleh mengkompaun kesalahan

18. Pemungut boleh, tertakluk pada dan mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, mengkompaun apa-apa kesalahan terhadap Akta ini dengan memungut daripada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu sejumlah wang tidak melebihi tiga ribu ringgit.

Perlindungan bagi pemberi maklumat daripada terzahir

19. (1) Kecuali sebagaimana yang disebut kemudian daripada ini, tiada aduan tentang sesuatu kesalahan yang dikatakan telah dilakukan di bawah Akta ini boleh diterima sebagai keterangan dalam apa-apa jua prosiding sivil atau jenayah dan tiada seorang pun saksi boleh diwajibkan atau dibenarkan mendedahkan nama atau alamat mana-mana pemberi maklumat, atau menyatakan apa-apa perkara yang mungkin membawa kepada penzahiran identiti pemberi maklumat itu.

(2) Jika apa-apa buku, dokumen atau kertas yang menjadi keterangan atau boleh diperiksa dalam apa-apa jua prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa-apa catatan yang dalamnya mana-mana pemberi maklumat adalah dinamakan atau diperihalkan, atau yang mungkin membawa kepada penzahiran identiti pemberi maklumat itu, Mahkamah yang di hadapannya prosiding itu diadakan hendaklah menyebabkan segala catatan itu disembunyikan daripada pandangan setakat yang perlu untuk melindungi identiti pemberi maklumat itu daripada terzahir, tetapi tidak lebih daripada itu.

(3) Jika dalam perbicaraan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini Mahkamah, selepas siasatan penuh kes itu mempercayai bahawa pemberi maklumat itu telah dengan sengaja membuat dalam aduannya suatu pernyataan material yang diketahui atau dipercayainya sebagai palsu atau tidak dipercayai sebagai benar, atau jika dalam mana-mana prosiding lain Mahkamah berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dilakukan dengan sepenuhnya antara pihak-pihak dalam prosiding itu tanpa pemberi maklumat itu diketahui, Mahkamah itu boleh menghendaki supaya dikemukakan aduan asal itu, jika bertulis, dan membenarkan penyiasatan dan menghendaki penzahiran penuh pemberi maklumat itu.

Penalti

20. (1) Kecuali dalam mana-mana hal yang diperuntukkan oleh subseksyen (3) mana-mana orang yang disabitkan dengan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini bolehlah, apabila tiada penalti lain diperuntukkan secara khusus bagi kesalahan itu, dipenjarakan selama

dua belas bulan, atau didenda sebanyak enam ribu ringgit bagi kesalahan pertama atau lima belas ribu ringgit berkenaan dengan kesalahan kedua atau kesalahan yang berikutnya, atau kedua-duanya.

(2) Apabila mana-mana orang yang disabitkan dengan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini ialah tuan punya sesuatu hiburan dan Mahkamah yang mensabitkan orang itu berpendapat bahawa oleh sebab kesalahan itu apa-apa duti yang sepatutnya telah dibayar telah tidak dibayar atau bahawa kesalahan itu telah dilakukan dengan tujuan mengelakkan duti itu, orang itu boleh juga dikenakan denda sepuluh kali ganda amaun duti itu.

(3) Mana-mana orang yang dibenarkan masuk ke mana-mana hiburan dan yang melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, apabila disabitkan, boleh, jika tiada penalti lain telah diperuntukkan secara khusus bagi kesalahan itu, dikenakan denda sebanyak enam ratus ringgit.

(4) Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret yang mensabitkan mana-mana orang bagi apa-apa kesalahan terhadap Akta ini boleh membatalkan apa-apa lesen yang telah diberikan kepada orang itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan panggung atau tempat hiburan awam yang pada masa ini berkuat kuasa di Malaysia atau mana-mana bahagiannya atau boleh menghalang orang itu daripada memegang apa-apa lesen bagi apa-apa tempoh yang ditentukan yang tidak melebihi dua tahun, sebagai tambahan kepada apa-apa penalti lain yang dikenakan.

Tindakan pegawai tidak menjadi kesalahan

21. Tiada apa-apa jua yang dilakukan secara *bona fide* oleh seseorang pegawai Kerajaan yang bertindak dalam menjalankan tugasnya boleh menjadi suatu kesalahan di bawah Akta ini.

Liabiliti tuan punya atas perbuatan pekhidmat

22. Bagi maksud Akta ini, tiap-tiap tuan punya hendaklah bertanggungjawab bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran mana-mana ejen atau pekhidmat yang diguna khidmat

olehnya dan yang bertindak dalam skop pekerjaannya dengan sepenuh dan berkesannya seolah-olah perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu telah dibuat atau dilakukan oleh tuan punya itu; tetapi tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menyentuh liabiliti ejen atau pekhidmat itu dan dengan syarat bahawa liabiliti tuan punya itu tidak meluas sehingga dia boleh dipenjarakan melainkan jika dia mengambil bahagian dalam kesalahan itu.

Peraturan-peraturan

23. (1) Menteri Kewangan boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud yang berikut:

- (a) memastikan pembayaran duti hiburan;
- (b) mengawal selia pembayaran duti hiburan dan membuat peruntukan bagi pencegahan pengeluaran duti hiburan;
- (c) mengadakan peruntukan bagi pembekalan dan penggunaan setem atau tiket bersetem atau mensetem tiket dan bagi mencatatkan setem itu apabila telah digunakan;
- (d) mengawal selia penggunaan tiket masuk dan pengiraan duti atas tiket itu;
- (e) mengawal penggunaan galangan atau alat mekanikal dan memastikan adanya rekod yang sepatutnya mengenai kemasukan dengan cara menggunakan galangan atau alat mekanikal;
- (f) secara amnya menguatkuasakan peruntukan Akta ini; dan
- (g) mengisytiharkan bahawa apa-apa perbuatan atau peninggalan yang melanggar apa-apa peraturan adalah suatu kesalahan terhadap Akta ini dan menetapkan penalti bagi kesalahan itu: Dengan syarat bahawa tiada penalti boleh melebihi penalti maksimum yang ditetapkan oleh seksyen 20.

(2) Apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini hendaklah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 103

AKTA DUTI HIBURAN 1953

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
L.N. 113/1956	Perintah Menteri Kewangan 1956	02-04-1956
L.N. 332/1958	Perintah Perlembagaan Persekutuan (Pengubahsuaian Undang-Undang) (Ordinan dan Pengisytiharan) 1958	13-11-1958
P.U. (A) 42/1973	Perintah Ordinan Duti Hiburan (Peluasan) 1973	01-04-1973
Akta 160	Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975	29-08-1975
Akta A324	Akta Kanun Acara Jenayah (Pindaan dan Peluasan) 1976	10-01-1976
P.U. (A) 357/1980	Perintah Akta Mahkamah Rendah (Peluasan) 1980	01-06-1981
Akta A800	Akta Duti Hiburan (Pindaan) 1991	12-04-1991
Akta A1122	Akta Duti Hiburan (Pindaan) 1991	01-10-2001
Akta 851	Akta Kewangan (No. 2) 2023	30-12-2023

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 103****AKTA DUTI HIBURAN 1953****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta A1122	01-10-2001
3	Akta A1122	01-10-2001
11	Akta A1122	01-10-2001
12	Akta 160 Akta A800 Akta A1122	29-08-1975 12-04-1991 01-10-2001
18	Akta 160 Akta A1122	29-08-1975 01-10-2001
20	Akta 160 Akta A1122	29-08-1975 01-10-2001
23	Akta 851	30-12-2023
